

29/08/1997

Kematangan usia 40 tahun

Abdurrahman Haqqi

DUA hari lagi, Malaysia genap berumur 40 tahun. Empat puluh tahun adalah peringkat kematangan menurut syarak dan fenomena semula jadi. Oleh itu, Nabi dan Rasul selalunya diangkat menjadi Nabi dan Rasul dalam umur 40 tahun kecuali beberapa rasul seperti Nabi Yahya dan Nabi Isa. Banyak perlembagaan negara yang mensyaratkan had umur bagi seorang kepada negara adalah 40 tahun ke atas kecuali negara revolusi di mana yang berumur 26 tahun pun boleh jadi.

Sulit untuk membezakan implikasi pengertian perkataan 'matang' dan 'masak' dalam konteks bahasa Melayu. Apakah kedua-duanya boleh dibezakan dengan pengertian mempunyai banyak pengalaman dan sudah sempurna fikiran secara semula jadi mahupun proses pembuatannya secara disengajakan?

Agar lebih jelas, apakah 'matang' bererti menunjukkan kesempurnaan atau kedewasaan yang dicapai menerusi proses semula jadi di mana ia tidak ada kena-mengena dengan tingkah laku kita seperti kita menyatakan buah itu sudah matang. Ataupun apakah masak bererti menunjukkan kesempurnaan atau kedewasaan yang dicapai menerusi proses kesengajaan kita manusia mempunyai peranan dalam mewujudkannya seperti kita mengatakan 'nasi itu sudah masak'. Kematangan buah bukan kita yang melakukannya manakala masak nasi kita yang melakukan perbuatan memasak.

Ada perbincangan dalam kajian bahasa Arab. Sebagai contoh, perkataan 'jalasa' dan 'qa'ada'. Kedua-duanya bererti duduk tetapi penggunaannya berbeza kerana 'jalasa' diperuntukkan untuk duduk selepas berdiri manakala 'qa'ada' diperuntukkan untuk duduk selepas rebah. Begitu juga bahasa Inggeris yang membezakan antara admission dan confession padahal kedua-duanya bermakna pengakuan atau pengiktirafan.

Bagaimanapun, Malaysia dalam usia 40 tahun memang sudah memiliki kesempurnaan fikiran, mempunyai banyak pengalaman dan dewasa. Maka ia dihormati dan disegani sama ada ia diperolehi secara semula jadi mahupun secara proses kesengajaan pemimpin dan rakyat yang bertungkus-lumus, pantang menyerah dan berupaya sedaya upaya untuk merealisasikan cita-cita luhur kemerdekaan dalam memartabatkan negara dan bangsa Malaysia di dalam dan di luar. Oleh itu, dalam usianya yang ke-40 Malaysia memang matang dan masak.

Ada pengajaran berharga dalam al-Quran mengenai umur 40 tahun bagi seorang insan yang patut kita ambil iktibar dan dijadikan panduan bertindak selanjutnya. Sebuah ayatnya menyatakan maksudnya: "Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya mengandungnya dengan susah-payah dan melahirkannya dengan sengsara. Sedang tempoh mengandungnya serta tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa 30 bulan. Selepas ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur 40 tahun, berdoalah ia dengan berkata: 'Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal salih yang engkau redai; dan jadikanlah sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu).' - (QS. al-Ahqaf: 15).

Adalah suatu pilihan bijak dan tepat ketika Jawatankuasa Hari Kemerdekaan menetapkan tema Hari Kemerdekaan tahun ini adalah 'Akhlak Mulia Masyarakat Jaya'. Tentu anda boleh memahami dengan mudah apa hubungan ayat al-Quran di atas dengan tema berkenaan.

Akhlak mempunyai kedudukan yang tinggi dalam ajaran Islam selepas akidah dan sebelum fikah. Oleh itu, pernah dikatakan ad-diini husnul khuluq atau agama itu adalah akhlak mulia. Jadi, orang yang beragama adalah orang yang mempunyai akhlak mulia dan sebaliknya. Tentu kita juga ingat sabda Nabi: "Sesungguhnya aku diutus (Allah) untuk menyempurnakan akhlak." - (HR. Bukhari).

Dengan akhlak mulia, kejayaan hidup masyarakat akan terjamin. Ini kerana dengan akhlak mulia masyarakat akan senang hati, murah senyum dan ringan tangan untuk bergotong-royong dan saling membantu mendirikan mahligai kesinambungan cita-cita kemerdekaan.

Dengan akhlak mulia masyarakat berasa dunia yang sempit menjadi luas. Sebaliknya, dengan akhlak buruk masyarakat akan berasa dunia jadi sempit.

Syair Arab mengatakan:

Demi Allah,  
tak akan sempit dunia kerana luasnya  
akan tetapi,  
akhlak manusia menyempitkannya

Sebagai Muslim, kita diwajibkan menghayati dan mengamal akhlak Nabi Muhammad menerusi sebuah ayat yang bermaksud: "Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat mulia."- (QS. al-Qalam: 4). Baginda juga pernah bersabda: "Sesungguhnya sebaik-baik manusia di antara kamu adalah berakhlak mulia." - (HR. Bukhari dan Muslim).

Sempena Hari Kemerdekaan 1997 dan dalam suasana kesederhanaan dan kesyukuran, mari kita hayati puisi berikut:

Empat puluh angka keramat  
empat dekad Malaysia berdaulat  
Tuanku Jaafar bertakhta, di sanjung dihormat  
Mahathir Mohamad Yang Amat Berhormat  
Anwar timbalannya yang setia, taat  
mereka memegang teguh amanat rakyat  
mencapai kegemilangan di dada tersemat  
Wawasan dua puluh-dua puluh suatu matlamat  
Ya Allah, kami pohon Engkau punya selamat  
Akhlak mulia masyarakat jaya  
arah tuju  
Melayu, Cina, Iban, Kadazan dan India  
hidup penuh harmoni bersepadu  
tua muda, lelaki wanita  
berganding tangan bersatu menuju  
mencipta cita-cita luhur merdeka  
Malaysia jaya maju  
Ya Allah, hanya Engkau yang kami tuju

(END)